

Selasa, 19 Mei 2020 | 11:15pm



Harga daun ketumbar Thailand RM50 sekilo pada Ramadan

Oleh Zuhainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

GEORGETOWN: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) kesal berikutan tinjauan pihaknya mendapati harga daun ketumbar, sup dan saderi naik mendadak di negeri ini.

Presidennya, Mohideen Abdul Kadeer, berkata kenaikan harga itu didapati berlaku di pasar awam sekitar Pulau Pinang.

Berdasarkan tinjauan CAP, beliau berkata, harga daun ketumbar diimport dari Thailand didapati meningkat daripada RM10 kepada RM22 sekilogram, tiga minggu lalu.

"Namun hasil tinjauan CAP, semalam, mendapati harganya telah meningkat kepada RM50 sekilogram pada minggu ini.

"Malah, harga daun ketumbar tempatan juga meningkat dua kali ganda daripada RM20 kepada RM47 sekilogram," katanya, di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Mohideen berkata, permintaan terhadap daun ketumbar dari Thailand adalah sangat tinggi kerana lebih wangi berbanding keluaran tempatan.

Katanya, peniaga memaklumkan bahawa peningkatan harga itu disebabkan permintaan tinggi, terutama pada Ramadan.

Namun, beliau berkata, kenaikan harga berganda dalam tempoh singkat bagi sayuran sedia ada dan mudah ditanam itu disifatkan amat keterlaluan.

"Justeru, kami menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengambil tindakan segera terhadap peniaga yang menaikkan harga terlampau tinggi mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"CAP juga ingin menasihati orang ramai supaya menjadi pengguna bijak atau dengan menanam sendiri sayuran di rumah.

"Ia tidak memerlukan ruang luas, iaitu hanya menggunakan kotak atau pasu bunga, selain mudah dijaga," katanya.

Difahamkan, tinjauan berkenaan turut mendapati harga daun sup meningkat daripada RM4 kepada RM10 sekilogram.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/05/690818/harga-daun-ketumbar-thailand-rm50-sekilo-pada-ramadan>